

BBC temui Perdana Menteri Isnin nyatakan sokongan

SETIU 9 Jun - Ahli-ahli Parlimen UMNO akan mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menyatakan sokongan padu mereka terhadap kepimpinannya di Jabatan Perdana Menteri Isnin ini.

Setiausaha Kelab Ahli Parlimen BN (BBC), Datuk Rosli Mat Hassan berkata, pertemuan itu yang dijadual diadakan pada pukul 4 petang akan dihadiri semua ahli Parlimen UMNO yang berada di dalam negara.

"Saya telah menemui dan menghubungi semua ahli Parlimen UMNO dan mereka telah menyatakan sokongan terhadap Abdullah dalam memimpin negara dan parti.

"Mereka juga bersetuju untuk bertemu dengan Perdana Menteri untuk menyatakan pendirian mereka itu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Seminar Persediaan Peperiksaan SPM 2006 di Kolej Teknologi Bestari di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kritikan pedas terbaru Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilemparkan terhadap Abdullah kelmarin.

Sementara itu Ketua Pengerangan UMNO Negeri Terengganu, Ahmad Shabery Chek berkata, rakyat Terengganu akan berdiri teguh dan berada di belakang Perdana Menteri berhubung isu yang dihadapi sekarang.

Katanya, rakyat Terengganu terhutang budi dengan Abdullah, kerana berkat kerjasama dan kepimpinannya Terengganu terlepas daripada belenggu kerajaan Pas yang anti pembangunan dan menghancurkan pendidikan anak-anak.

"Kemenangan BN dalam pilihan raya 2004 adalah berkat keyakinan rakyat kepada Pak Lah.

"Di bawah kepemimpinan Pak Lah, Terengganu dan negeri Pantai Timur lain telah mendapat peruntukan lebih termasuk pembinaan universiti, lebuh raya dan lapangan terbang," katanya.